

PENTING/PENAFIAN

**INI IALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI
ASET-ASET SANDARAN, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.**

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini beserta terma dan syarat sebelum anda membuat keputusan untuk memohon dan memilih Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i (DURIAN-i)

NAMA PRODUK: Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i (DURIAN-i)

Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

MAKLUMAT RINGKAS MENGENAI PRODUK

1. Apakah produk ini?

| | |
|---|---|
| Kontrak Shariah yang diguna pakai | DURIAN-i adalah akaun pelaburan harian berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan (Mudarabah), yang dipersetujui antara pelabur sebagai Penyedia Modal (Rabbul Mal) dan CIMB Islamic Bank Berhad ("Bank") sebagai Usahawan (Mudarib) di mana Bank akan menyalurkan pelaburan ke dalam perniagaan patuh Shariah. Pihak Bank dan pelabur bersetuju dengan nisbah perkongsian keuntungan ("PSR") sebelum bank menerima dana pelaburan. PSR ditetapkan terlebih dahulu dan kerugian kewangan (jika ada) ditanggung oleh Penyedia Modal, dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah laku, kecuaian atau pelanggaran terma tertentu oleh pihak bank. Bank sebagai usahawan akan menanggung kerugian dari segi masa dan usaha. |
| Jenis Produk | Produk ini diklasifikasikan sebagai "Akaun Pelaburan Tidak Terhad" ("UA") yang merujuk kepada jenis pelaburan di mana pelabur memberi mandat kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan mutlak tanpa menyatakan sebarang sekatan dan / atau syarat tertentu. Bank sebagai pengurus pelaburan yang dilantik akan menentukan peruntukan asset dalam mencapai objektif pelaburan. Ini adalah produk berdasarkan permintaan dan tiada tempoh tertentu dan tarikh matang. |
| Pihak-pihak yang Terlibat Dalam Aktiviti Pelaburan, Peranan dan Tanggungjawab | Bank dilantik sebagai " Pengurus " manakala pelabur adalah " Pemilik Modal ". <ul style="list-style-type: none">• Pelabur /Pemilik Modal (Rabbul Mal) meletakkan dana di dalam DURIAN-i.• Bank/Pengurus (Mudarib) mengurus dana daripada pelabur berdasarkan prinsip Mudarabah dan akan menguruskan dana tersebut di dalam portfolio pelaburan patuh Shariah untuk menjana pulangan.• Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada usaha niaga tersebut dikongsi di antara pelabur dan Bank ditentukan mengikut nisbah perkongsian keuntungan ("PSR"). |

| | |
|--|---|
| | <ul style="list-style-type: none"> Pelabur hendaklah bersetuju bahawa pelaburan terikat kepada prestasi asset dasar, dan prinsipal dan pulangan tidak dijamin oleh pihak Bank. |
|--|---|

KESESUAIAN PRODUK

2. Siapakah yang sesuai dengan produk ini?

| | |
|--------------------------------------|--|
| Objektif Pelaburan | Objektif pelaburan adalah untuk menghasilkan pulangan stabil di samping mengekalkan modal dalam tempoh pelaburan yang dipersetujui melalui pendedahan risiko rendah. |
| Samaada Prinsipal Pelaburan Berisiko | Ya, dengan risiko pendedahan yang minimum. Dana akan dilaburkan ke dalam aset berisiko rendah yang dikenalpasti dan diuruskan oleh Bank |
| Tempoh Pegangan Pelaburan | Tiada |

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

3. Apakan yang saya melabur?


| Strategi pelaburan | Dana ini akan dilaburkan dalam portfolio aset yang pelbagai yang menghasilkan pulangan stabil dengan risiko rendah. | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|-------------------------------|-------------------|-----------------|--|-------------------|--------------------------------|-------------------------------|-------------------|-----------------|------------|---------------------|-------|----------|------------|
| Jumlah Pelaburan Awal Minimum / Tempoh Pelaburan | RM50 / Tiada tempoh matang bagi pelaburan ini. | | | | | | | | | | | | | | |
| Baki Minimum | Pelabur hendaklah mengekalkan baki minimum sebanyak RM20. | | | | | | | | | | | | | | |
| Kelayakan | Individu | | | | | | | | | | | | | | |
| Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) | 1:99 (1% untuk Pelabur dan 99% untuk Bank) | | | | | | | | | | | | | | |
| Contoh Pengiraan Keuntungan | <p>Contoh Pengiraan Keuntungan (Bagi tujuan illustrasi sahaja)</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>Tarikh Pelaburan:</th> <th>Nisbah Perkongsian Keuntungan:</th> <th>Kadar Pulangan (selepas PSR):</th> <th>Jumlah Pelaburan:</th> <th>Tarikh Bayaran:</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>01/08/2023</td> <td>1:99 (Pelabur:Bank)</td> <td>0.05%</td> <td>RM10,000</td> <td>01/09/2023</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pengiraan Keuntungan: $\text{Prinsipal} \times \text{Kadar Pulangan bersih} \times 31/365 \text{ Hari} = \text{Amaun Kena Bayar kepada Pelabur}$</p> <p>Pengiraan Keuntungan = $\text{RM}10,000 \times 0.05\% \times 31/365 = \text{RM}0.42$</p> | | | | | Tarikh Pelaburan: | Nisbah Perkongsian Keuntungan: | Kadar Pulangan (selepas PSR): | Jumlah Pelaburan: | Tarikh Bayaran: | 01/08/2023 | 1:99 (Pelabur:Bank) | 0.05% | RM10,000 | 01/09/2023 |
| Tarikh Pelaburan: | Nisbah Perkongsian Keuntungan: | Kadar Pulangan (selepas PSR): | Jumlah Pelaburan: | Tarikh Bayaran: | | | | | | | | | | | |
| 01/08/2023 | 1:99 (Pelabur:Bank) | 0.05% | RM10,000 | 01/09/2023 | | | | | | | | | | | |
| Pengagihan Keuntungan | Bulanan | | | | | | | | | | | | | | |
| Kaedah Pembayaran Keuntungan | Pembayaran akan dikreditkan ke dalam DURIAN-i pelabur. | | | | | | | | | | | | | | |
| Kadar Keuntungan | Kadar keuntungan akan diisyiharkan dan dipaparkan di laman sesawang pada setiap bulan. | | | | | | | | | | | | | | |
| Pembukaan Akaun | <ul style="list-style-type: none"> Mana-mana cawangan CIMB Islamic yang terletak setempat dengan cawangan-cawangan CIMB Bank. Melalui laman sesawang CIMB | | | | | | | | | | | | | | |
| Perlindungan PIDM | Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) | | | | | | | | | | | | | | |

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

4. Apakah kemungkinan hasil daripada pelabuaran saya?

Keuntungan akan diagihkan berdasarkan PSR. Kerugian yang timbul daripada pelaburan akan ditanggung oleh pelabur, kecuali ia adalah disebabkan oleh salah urus dana oleh Bank.

- a) Prestasi dana



Prestasi yang lepas tidak mencerminkan prestasi akan datang

- b) Kemungkinan keuntungan atau kerugian pada masa akan datang

Jadual 1: Simulasi Pasaran Terbaik

| Tarikh | OPR | Kadar Pulangan |
|----------|-------|----------------|
| Mac 2024 | 3.50% | 0.05% |

Jadual 2: Simulasi Pasaran Terburuk

| Tarikh | OPR | Kadar Pulangan |
|----------|-------|----------------|
| Dis 2023 | 2.00% | 0.04% |

(Hanya untuk tujuan illustrasi)

RISIKO-RISIKO UTAMA

5. Apakah risiko-risiko utama berkaitan dengan produk?

| | |
|----------------------------|--|
| Risiko Pasaran | <p>Risiko pasaran adalah kemungkinan pelabur mengalami kerugian disebabkan oleh faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi keseluruhan pasaran kewangan yang terlibat.</p> <p>Bank akan memantau dan mengurus pendedahan risiko pasaran menggunakan sistem pengurusan risiko yang sedia ada. Ini membolehkan Bank menguruskan kedudukan dana dengan berkesan dalam rangka kerja risiko yang diluluskan</p> |
| Risiko Kehilangan Modal | <p>Mana-mana produk pelaburan membawa risiko pengurangan nilai pelaburan asal.</p> <p>Oleh itu, pihak Bank akan melabur di dalam dana asset dasar yang mengandungi asset runcit sahaja. Pengimbangan semula portfolio boleh dilaksanakan untuk memastikan aset yang tidak sesuai dengan strategi dan objektif dana disusun semula.</p> |
| Risiko Kredit | Risiko kredit timbul apabila sejumlah besar aset dari dana mengalami kegagalan, Bank akan memantau secara teliti prestasi aset terpilih dan memastikan pelaburan itu sejajar dengan strategi dan objektif dana. |
| Risiko Tidak Patuh Shariah | <p>Risiko Tidak Patuh Shariah adalah risiko yang timbul daripada kegagalan Bank mematuhi peraturan dan prinsip Shariah yang ditentukan oleh Jawatankuasa Shariah Bank atau badan pengawalseliaan.</p> <p>Bank akan memantau dengan bimbingan dari Jawatankuasa Shariah Bank untuk memastikan pelaburan mematuhi peraturan dan prinsip Shariah yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Shariah BNM.</p> |
| Risiko Kecairan | <p>Risiko kecairan ialah risiko yang mungkin pihak Bank tidak dapat memenuhi tuntutan pengeluaran jangka pendek.</p> <p>Bank akan terus menjalankan analisis berdasarkan deposit sedia ada dan kumpulan UA yang terdiri daripada dana Mudarabah. Berdasarkan rekod aliran aktiviti pengeluaran, bank akan merumuskan ujian tekanan dan menubuhkan alat pengurangan untuk menguruskan risiko kecairan. Aliran tunai tidak sepadan dengan kumpulan kematangan akan dianalisis dan dipantau di bawah rangka kerja kecairan seperti yang ditetapkan oleh BNM.</p> <p>Produk DURIAN-i menawarkan dana tambahan kepada asas pembiayaan bank. Ianya akan digunakan untuk membiayai asset runcit bank yang mana aliran tunai daripada DURIAN-i dan asset yang dibiayai, serta aliran tunai daripada produk yang lain, akan diuruskan dan dipantau.</p> |

'Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan'

YURAN DAN CAJ

6. Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Yuran dan caj berkaitan boleh didapati di laman sesawang dan di Cawangan.

PENILAIAN

7. Strategi penilaian digunakan, kekerapan dan di mana penilaian diterbitkan (alamat laman sesawang di mana penilaian diterbitkan)

- Metodologi penilaian kami adalah objektif, teguh, boleh disahkan dan konsisten dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS").

- Bank akan memantau prestasi aset setiap bulan. Keuntungan / kerugian bersih DURIAN-i akan dipaparkan di laman sesawang CIMB www.cimb.com.my

MAKLUMAT HUBUNGAN

8. Apa perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butir peribadi saya?

Ianya penting untuk memaklumkan kepada pihak kami sebarang perubahan pada butir peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat dapat sampai kepada pihak anda tepat pada masanya. Ini boleh dilakukan dengan cara lawati mana-mana cawangan kami untuk mengemaskini butiran peribadi anda dengan sewajarnya.

9. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

- a) Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi;

Alamat : Customer Resolution Unit
 CIMB Islamic Bank Berhad
 Unit Resolusi Pelanggan (CRU)
 Peti Surat 10338
 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
 50710 Wilayah Persekutuan

Telefon : 603 6204 7788

Emel : contactus@cimb.com

Secara alternatif, layari laman sesawang CIMB www.cimb.com.my atau lawat mana-mana cawangan CIMB seluruh negara.

- b) Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian, sila rujuk kepada BNM TELELINKBNM TELELINK

- Melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
- Melalui emel : bnmtelelink@bnm.gov.my
- Melalui surat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
 Bank Negara Malaysia
 P.O. Box 10922
 50929 Kuala Lumpur

Maklumat yang disediakan dalam penerangan produk ini sah pada 23 Disember 2024.

AMARAN

PULANGAN AKAUN PELABURANINI AKAN TERJEJAS OLEH PRESTASI ASET DASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN BERISIKO TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PEMEGANG AKAUN MUNGKIN AKAN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURANINI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM").